



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 26

27hb Disember 2007

*TAMBAHAN No. 154
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 428.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN)
(PENGECEUALIAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 dan 22 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengecualian) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pengecualian untuk Kerajaan Persekutuan

2. Kerajaan Persekutuan adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen individu dan lesen kelas di bawah Akta.

Pengecualian untuk Kerajaan Negeri

3. Kerajaan Negeri adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen kelas di bawah Akta.

Takat pengecualian

4. (1) Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 2, Kerajaan Persekutuan adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi di bawah Akta seolah-olah ia pemegang lesen individu atau lesen kelas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 3, Kerajaan Negeri adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi di bawah Akta seolah-olah ia pemegang lesen kelas.

Dibuat 19 Disember 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006**WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) ORDER 2007**

In exercise of the powers conferred by sections 5 and 22 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Exemption for the Federal Government

2. The Federal Government shall be exempted from holding an individual license and a class licence under the Act.

Exemption for State Government

3. The State Government shall be exempted from holding a class licence under the Act.

Extent of exemption

4. (1) Notwithstanding the exemption granted under paragraph 2, the Federal Government shall be required to comply with the duties and obligations under the Act as if it were an individual licensee or class licensee, as the case may be.

(2) Notwithstanding the exempting granted under paragraph 3, the State Government shall be required to comply with the duties and obligations under the Act as if it were class licensee.

Made 19 December 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 429.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

**PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN)
(PENGECCUALIAN) (No. 2) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengeccualian) (No. 2) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pengeccualian

2. Pengurusan Aset Air Berhad dikeccualikan daripada kehendak memegang lesen individu di bawah Akta ini.

Takat pengeccualian

3. Walau apa pun pengeccualian yang diberikan di bawah perenggan 2, Pengurusan Aset Air Berhad hendaklah mematuhi kewajipan dan obligasi pemegang lesen individu seolah-olah ia pemegang lesen individu di bawah Akta.

Dibuat 19 Disember 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by sections 5 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) (No. 2) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Exemption

2. The Pengurusan Aset Air Berhad shall be exempted from holding an individual licence under the Act.

Extent of exemption

3. Notwithstanding the exemption granted under paragraph 2, the Pengurusan Aset Air Berhad shall comply with the duties and obligations of an individual licensee as if it is an individual licensee under the Act.

Made 19 December 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 430.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN) (PENGECUALIAN)
(No. 3) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 22 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengecualian) (No. 3) 2007**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa dari 1 Januari 2008 hingga 30 Jun 2008.

Pengecualian

2. Mana-mana orang yang memiliki suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembedungan persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedungan atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembedungan persendirian, dikecualikan daripada memegang lesen kelas di bawah Akta.

Takat pengecualian

3. Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 2, seseorang yang dikecualikan daripada kehendak pelesenan hendaklah mematuhi kewajipan dan obligasi seorang pemegang lesen seolah-olah orang itu ialah pemegang lesen kelas di bawah Akta.

Dibuat 19 Disember 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) (No. 3) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by sections 22 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) (No. 3) Order 2007**.

(2) This Order is in operation from 1 January 2008 until 30 June 2008.

Exemption

2. Any person who owns a private water supply system or private sewerage system or any part of the system undertake, provide or make available any water supply services or sewerage services or part thereof by means of operating a private water supply system or private sewerage system, is exempted from holding a class licensee under the Act.

Extent of exemption

3. Notwithstanding the exemption granted under paragraph 2, a person who is exempted from the licensing requirements shall comply with the duties and obligations of a licensee as if the person is a class licensee under the Act.

Made 19 December 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 431.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PINDAAN KEPADA JADUAL) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 182 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pindaan kepada Jadual) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dipinda dengan memotong butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya seperti yang berikut:

“2. Encorp Utilities Sdn Bhd Kontrak Pengendalian dan Pengurusan
Kemudahan dan Penswastaaan”.

Dibuat 19 Disember 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (AMENDMENT OF SCHEDULE) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 182 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Amendment of Schedule) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Water Services Industry Act 2006 is amended by deleting the following item and its related particulars:

“2. Encorp Utilities Sdn Bhd Operation and Management of Facilities
and Privatisation Contract”.

Made 19 December 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 432.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

**PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(PELESENAN) 2007**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LESEN INDIVIDU

3. Kelayakan
4. Permohonan untuk lesen individu
5. Perkara untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya dalam membuat syor
6. Pemberian lesen individu
7. Tempoh dan pembaharuan lesen individu
8. Permohonan untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat lesen individu
9. Perubahan butir-butir pemegang lesen individu
10. Penggantian lesen individu
11. Permohonan untuk menyerahhakkan, mensublesenkan atau memindahmilikkan lesen individu
12. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen individu
13. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen pengagihan air
14. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen rawatan air
15. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen perkhidmatan pembedungan

Peraturan

16. Pemegang lesen individu hendaklah mematuhi langkah-langkah untuk mengehendkan aktiviti perniagaan
17. Mensubkontrakkan aktiviti di bawah lesen individu
18. Pemegang lesen individu hendaklah menyediakan kod pengguna
19. Penggunaan kelengkapan dan bahan tempatan
20. Syarat khas lesen

BAHAGIAN III

LESEN KELAS

21. Kelayakan
22. Pemberian lesen kelas
23. Notis pendaftaran lesen kelas
24. Perubahan butir-butir notis pendaftaran
25. Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen kelas

BAHAGIAN IV

FI

26. Fi
27. Fi lesen individu
28. Fi lesen kelas

BAHAGIAN V

AM

29. Salinan lesen yang diperakui sah
30. Pelanjutan masa
31. Pembatalan

JADUAL-JADUAL

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) 2007**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawalan” ertinya mana-mana individu, syarikat atau orang yang bertindak bersama-sama—

- (a) yang mempunyai kepentingan yang melebihi lima puluh peratus dalam syarikat persendirian;
- (b) yang mempunyai kepentingan yang melebihi tiga puluh tiga peratus dalam syarikat awam; atau
- (c) yang diberi kuasa untuk membuat dan melaksanakan keputusan berkaitan dengan perniagaan atau pentadbiran sesuatu syarikat;

“kepentingan” ertinya memegang hak mengundi, ekuiti atau apa-apa hak lain dalam sesuatu syarikat atau entiti;

“orang yang bertindak bersama-sama” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*];

“pemegang syer asing” ertinya—

- (a) seseorang individu yang bukan warganegara Malaysia;
- (b) seseorang individu yang merupakan seorang pemastautin tetap;

- (c) sesuatu syarikat asing sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] atau mana-mana entiti asing yang lain; atau
- (d) sesuatu entiti Malaysia yang dalamnya individu, syarikat atau entiti yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) atau (c) memegang lebih daripada lima puluh peratus hak mengundi;

“pegangan syer substansial”—

- (a) berhubung dengan pemegang lesen individu ialah apabila orang itu mempunyai kepentingan dalam satu syer mengundi atau lebih dalam pemegang lesen individu dan amaun nominal syer itu, atau agregat amaun nominal syer itu, adalah tidak kurang daripada lima peratus agregat amaun nominal kesemua syer mengundi dalam pemegang lesen individu itu; atau
- (b) berhubung dengan lesen individu yang mempunyai modal syer yang terbahagi kepada dua kelas syer atau lebih, ialah apabila orang itu mempunyai kepentingan dalam satu syer mengundi atau lebih yang dimasukkan ke dalam satu daripada kelas itu dan amaun nominal syer itu atau agregat amaun nominal syer itu, adalah tidak kurang daripada lima peratus agregat amaun nominal kesemua syer mengundi yang dimasukkan dalam kelas itu;

“pemegang lesen perkhidmatan pembedungan” ertinya pemegang lesen perkhidmatan yang memegang lesen individu untuk menyediakan perkhidmatan pembedungan;

“pemegang lesen prinsipal” ertinya pemegang lesen individu yang mensubkontrakkan sebahagian daripada aktiviti yang dilesenkan kepada pemegang lesen individu yang lain;

“pemegang lesen rawatan air” ertinya pemegang lesen perkhidmatan yang memegang lesen individu untuk mengusahakan rawatan air;

“secara telus” berhubung dengan sesuatu transaksi, ertinya transaksi antara dua pihak, walau bagaimana sekalipun rapat hubungan mereka, yang—

- (a) dikendalikan seolah-olah pihak-pihak itu tidak mengenali antara satu sama lain, supaya tidak timbul konflik kepentingan;
- (b) secara bebas dibuat dalam pasaran terbuka, tidak terjejas oleh tekanan abnormal atau oleh ketiadaan rundingan kompetitif yang biasa; dan
- (c) dibuat atas terma-terma dan syarat-syarat termasuk harga dan kehendak yang mungkin secara normalnya dijangkakan telah dibuat oleh orang yang tidak berkepentingan yang bergiat dalam aktiviti yang sama atau serupa.

BAHAGIAN II

LESEN INDIVIDU

Kelayakan

3. Orang atau golongan orang yang berikut adalah layak untuk memohon lesen individu:

- (a) suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia; dan
- (b) mana-mana orang atau golongan orang yang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Permohonan untuk lesen individu

4. (1) Tiap-tiap permohonan untuk lesen individu hendaklah dibuat dalam Borang A sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan disertai dengan fi permohonan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(2) Mana-mana orang yang memohon sesuatu lesen individu untuk memberikan suatu kemudahan atau perkhidmatan yang tertentu hendaklah mengemukakan, bila mana terpakai, maklumat yang berikut:

- (a) butir-butir pemohon;
- (b) perihalan kemudahan atau perkhidmatan yang akan dijalankan oleh pemohon dan lokasi kemudahan itu;
- (c) kawasan yang dicadangkan di mana perkhidmatan itu akan disediakan;
- (d) suatu rancangan induk perniagaan untuk tiga puluh tahun dan rancangan perniagaan boleh pinda yang dinyatakan di bawah seksyen 30 Akta yang menunjukkan rancangan pemohon untuk pembesaran, penyenggaraan, pembaikan, peningkatan, pemerbaikan, pembaikpulihan atau pengubahan sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam dan untuk pembinaan sistem bekalan air awam atau sistem pembedungan awam yang baru dan perbelanjaan modal dan pengendalian yang dijangkakan, pelan kewangan yang dicadangkan, termasuk sumber kewangan, sama ada tempatan atau asing, untuk mengusahakan aktiviti itu;
- (e) cadangan tatacara pengendalian dan penyenggaraan, termasuk suatu pelan keselamatan air atau pembedungan dan pelan pemulihan bencana;
- (f) cadangan standard prestasi dan petunjuk prestasi utama yang akan diterima pakai untuk perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan;
- (g) mana-mana lesen individu atau kelas yang lain yang dipegang oleh pemohon di bawah Akta, kumpulan syarikatnya dan mana-mana syarikat yang disifatkan bersekutu dengan pengarah pemohon menurut kuasa seksyen 122A Akta Syarikat 1965;

- (h) maklumat korporat termasuk butir-butir mana-mana syarikat yang disebut dalam perenggan (g) dan butir-butir yang menunjukkan pemegang syer benefisial utama pemohon dan mana-mana syarikat yang disebut dalam perenggan (g) yang memegang lesen individu atau kelas dengan maklumat yang memperincikan pegangan syer semua pemegang syer secara langsung atau tidak langsung;
- (i) akaun yang telah diaudit yang terkini, memorandum dan tatauuran persatuan dan salinan Borang 24, 44 dan 49 yang diperakui sah di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat 1966 [*P.U. 173/1966*] bagi pemohon yang telah difailkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
- (j) apa-apa maklumat atau dokumen yang lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya secara bertulis atau menurut mana-mana garis panduan pentadbiran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(3) Dalam memproses permohonan itu, Suruhanjaya hendaklah mempunyai hak untuk meminta pemohon itu membuat apa-apa penghujahan sebagaimana yang disifatkan perlu untuk membolehkan Suruhanjaya memuktamadkan syornya kepada Menteri.

(4) Sesuatu permohonan untuk lesen individu berkenaan dengan dua aktiviti yang berikut atau lebih, iaitu—

- (a) pemilikan suatu sistem bekalan air awam atau mana-mana bahagian daripada sistem itu;
- (b) pemilikan suatu sistem pembedungan awam atau mana-mana bahagian daripada sistem itu;
- (c) pengusahaan, penyediaan atau pengadaan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan sistem bekalan air awam; atau
- (d) pengusahaan, penyediaan atau pengadaan apa-apa perkhidmatan pembedungan atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan sistem pembedungan awam,

hendaklah dibuat dalam borang permohonan yang berasingan.

Perkara untuk dipertimbangkan oleh Suruhanjaya dalam membuat syor

5. Suruhanjaya hendaklah, sebelum membuat syor kepada Menteri tentang sama ada atau tidak suatu lesen individu patut diberikan kepada pemohon, mempertimbangkan antara lain, perkara yang berikut:

- (a) sama ada pemohon layak untuk memohon lesen individu di bawah peraturan 3;
- (b) syarat khas lesen yang terpakai, termasuk petunjuk prestasi utama, yang akan terpakai bagi pemohon;
- (c) kemampuan pemohon untuk memenuhi syarat lesennya, termasuk petunjuk prestasi utama, dan obligasi di bawah Akta; dan
- (d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan patut dan perlu oleh Menteri.

Pemberian lesen individu

6. Sesuatu lesen individu yang diberikan hendaklah dalam Borang B sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Tempoh dan pembaharuan lesen individu

7. (1) Sesuatu lesen individu yang diberikan oleh Menteri adalah tertakluk kepada pembaharuan setiap tiga tahun dari tarikh pemberian atau pembaharuan berikutnya.

(2) Sesuatu permohonan untuk pembaharuan sesuatu lesen individu hendaklah dibuat dalam Borang A sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tidak lewat daripada satu tahun sebelum habis tempoh tiga tahun yang disebut dalam subperaturan (1) dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Jika pemohon gagal untuk membuat permohonan bagi pembaharuan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), lesen individu itu hendaklah luput di akhir tempoh tiga tahun tersebut melainkan jika pemohon dibenarkan oleh Suruhanjaya untuk mengemukakan permohonan untuk pembaharuan pada tarikh yang kemudian.

Permohonan untuk mengenakan syarat tambahan, mengubah atau membatalkan syarat lesen individu

8. (1) Seseorang pemegang lesen individu boleh memohon kepada Menteri untuk—

- (a) mengenakan apa-apa syarat tambahan kepada lesen individu itu; dan
- (b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat kepada lesen individu itu.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(3) Suatu permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan menyatakan perkara yang berikut:

- (a) tarikh yang dicadangkan bagi penambahan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan menjadi berkuat kuasa;
- (b) butir-butir terperinci tentang penambahan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan dan sebab bagi penambahan, perubahan atau pembatalan itu; dan
- (c) apa-apa maklumat yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh meminta pemegang lesen individu supaya memberikan dalam masa yang ditentukan, apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(5) Jika apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subperaturan (4) tidak diberikan oleh pemegang lesen individu dalam masa yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan, tetapi tidak akan menjejaskan hak pemegang lesen individu itu untuk membuat permohonan yang baru.

(6) Suruhanjaya hendaklah dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh penerimaan permohonan di bawah subperaturan (1) atau penyediaan apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain membuat syor secara bertulis kepada Menteri dengan menyatakan—

- (a) sama ada permohonan itu wajar diluluskan dengan atau tanpa syarat;
- (b) sama ada permohonan itu tidak wajar diluluskan; dan
- (c) sebab bagi syornya.

(7) Menteri boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan maklumat lanjut atau dokumen lain yang diberikan di bawah subperaturan (4) dan setelah mengambil kira dengan sewajarnya syor Suruhanjaya di bawah subperaturan (6)—

- (a) meluluskan permohonan itu; atau
- (b) enggan untuk meluluskan permohonan itu.

(8) Keputusan Menteri untuk meluluskan atau untuk tidak meluluskan permohonan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen individu oleh Suruhanjaya melalui notis bertulis seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(9) Notis bertulis oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan (8) hendaklah menyatakan—

- (a) dalam hal jika permohonan itu diluluskan, hakikat kelulusan itu; dan
- (b) dalam hal keengganan untuk meluluskan permohonan itu, hakikat keengganan itu dan sebab bagi keengganan itu.

Perubahan butir-butir pemegang lesen individu

9. (1) Pemegang lesen individu hendaklah memberitahu Menteri secara bertulis dengan seberapa segera yang mungkin, tentang apa-apa perubahan butir-butir pemegang lesen individu dan pemberitahuan itu hendaklah disertai dengan fi yang ditetapkan yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(2) Selepas menerima pemberitahuan di bawah subperaturan (1), Menteri boleh menghendaki Suruhanjaya untuk meminda butir-butir pemegang lesen individu itu dalam lesen individunya.

Penggantian lesen individu

10. (1) Jika suatu lesen individu hilang atau musnah, pemegang lesen individu hendaklah membuat laporan kepada Suruhanjaya berkenaan dengan kehilangan atau kemusnahan itu.

(2) Suatu permohonan untuk penggantian lesen individu hendaklah dibuat secara bertulis kepada Suruhanjaya dan hendaklah disertai dengan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan fi yang ditetapkan bagi penggantian lesen individu itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa kehilangan atau kemusnahan suatu lesen individu bukan disebabkan oleh apa-apa fraud, Suruhanjaya boleh mengeluarkan lesen gantian dalam bentuk yang sama dengan yang asal tetapi dengan perkataan "SALINAN PENDUA" diendorskan pada lesen itu.

(4) Salinan pendua lesen individu yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen individu yang asal.

Permohonan untuk menyerahhakkan, mensublesenkan atau memindahmilikkan lesen individu

11. (1) Pemegang lesen individu boleh memohon kepada Menteri untuk menyerahhakkan, mensublesenkan atau memindahmilikkan lesen individunya dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Suruhanjaya dan permohonan itu hendaklah disertai dengan—

- (a) butir-butir yang berkaitan mengenai penyerahhakkan, pensublesenkan atau pemindahmilikkan yang dicadangkan itu, termasuk butir-butir mengenai pemegang serah hak, pemegang sublesen atau penerima pindah milik yang dicadangkan dan pengalaman dan kebolehan pemegang serah hak, pemegang sublesen atau penerima pindah milik yang dicadangkan dalam mengusahakan aktiviti yang dilesenkan; dan
- (b) fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Susunan A Jadual Kedua.

(2) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa selepas diterima permohonan di bawah subperaturan (1), meminta pemegang lesen individu untuk memberi Suruhanjaya dalam masa yang dinyatakan maklumat lanjut atau dokumen lain berkenaan dengan permohonan itu.

(3) Jika apa-apa maklumat lanjut atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah subperaturan (2) tidak diberikan oleh pemegang lesen individu dalam masa yang dinyatakan di dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Suruhanjaya, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak boleh diteruskan tetapi tanpa menjejaskan hak pemegang lesen individu itu untuk membuat permohonan yang baru.

(4) Suruhanjaya hendaklah dalam masa enam puluh hari dari—

- (a) penerimaan permohonan di bawah subperaturan (1); atau
- (b) jika Suruhanjaya telah meminta maklumat lanjut atau dokumen lain di bawah subperaturan (2), pemberian maklumat lanjut atau dokumen lain itu,

mengemukakan syor bertulis kepada Menteri tentang sama ada permohonan itu patut diluluskan atau tidak.

(5) Menteri boleh, selepas menimbangkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan maklumat lanjut atau dokumen lain yang diberikan di bawah subperaturan (2) dan setelah mengambil kira dengan sewajarnya syor dari Suruhanjaya di bawah subperaturan (4)—

- (a) meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat; atau
- (b) menolak permohonan itu.

(6) Keputusan Menteri untuk meluluskan atau menolak permohonan itu hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen individu oleh Suruhanjaya melalui notis secara bertulis dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(7) Notis bertulis daripada Suruhanjaya di bawah subperaturan (6) hendaklah menyatakan—

- (a) dalam hal jika permohonan itu diluluskan, hakikat kelulusan itu dan, jika syarat dikenakan, syarat yang dikenakan itu; dan
- (b) dalam hal jika permohonan itu ditolak, hakikat penolakan itu dan sebab bagi penolakan itu.

Syarat standard yang terpakai bagi semua lesen individu

12. (1) Suatu lesen individu hendaklah tertakluk kepada syarat standard yang berikut:

- (a) pemegang lesen individu tersebut hendaklah mengadakan dan menyenggarakan suatu daftar yang lengkap dan terperinci berkenaan dengan semua aset mengenai perkhidmatan bekalan air atau pembedungan, sebagaimana yang terpakai, termasuk gambar rajah atau pelan yang bersesuaian dalam apa-apa format atau yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;
- (b) pemegang lesen individu hendaklah menyumbang kepada Kumpulan Wang Industri Air mengikut Akta dan perundangan subsidiarinya;
- (c) pemegang lesen individu hendaklah memberikan maklumat, dalam apa-apa format dan pada lat tempoh tertentu, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya mengikut Akta dan perundangan subsidiarinya;

-
- (d) pemegang lesen individu hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa kesemua kakitangan pengurusan dan operasinya yang utama, ejennya dan subkontraktornya mempunyai dan mengekalkan kelayakannya sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa atau ditetapkan di bawah Akta, untuk mengerjakan, menguruskan atau mengendalikn sistem bekalan air atau sistem pembedungan;
- (e) pemegang lesen individu hendaklah mematuhi langkah-langkah untuk menghadkan aktiviti perniagaan yang dinyatakan dalam peraturan 16;
- (f) pemegang lesen individu hendaklah mematuhi peruntukan mengenai subkontrak aktiviti yang dilesenkan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 17;
- (g) pemegang lesen individu hendaklah mematuhi peruntukan mengenai penggunaan bahan dan kelengkapan tempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 19;
- (h) pemegang lesen individu hendaklah mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkaitan;
- (i) pemegang lesen individu hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang apa-apa perubahan dalam pegangan syer substansial pemegang lesen dengan syarat bahawa tiada perubahan dalam kawalan pemegang lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan (2);
- (j) pemegang lesen individu hendaklah mematuhi semua undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkaitan yang dibuat di bawah mana-mana perundangan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau agensi Kerajaan mengenai sekatan ke atas pegangan syer asing dalam pemegang lesen individu dengan syarat bahawa jika pemegang lesen individu itu disenaraikan dalam bursa saham Malaysia, jumlah peratus modal yang dibenarkan dan berbayar pemegang lesen individu yang dipegang oleh pemegang syer asing tidak boleh melebihi dua puluh lima peratus;
- (k) pemegang lesen individu tidak boleh melakukan apa-apa penyusunan semula, penggabungan atau penyatuan tanpa kelulusan secara bertulis Menteri terlebih dahulu;
- (l) pemegang lesen individu tidak boleh memindah milikan, menjual atau memajakkan sebahagian besar perniagaannya, asetnya atau perusahaannya tanpa kelulusan secara bertulis daripada Menteri melainkan jika ia pindah milik, pelupusan atau pajakan aset itu adalah kepada Pengurusan Aset Air Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan;
- (m) tempoh pegangan lesen individu subkontraktor kepada pemegang lesen prinsipal hendaklah bergantung pada—
- (i) kontrak antara subkontraktor dengan pemegang lesen prinsipal; dan
 - (ii) berkuat kuasanya lesen individu pemegang lesen prinsipal;

- (n) pemegang lesen individu hendaklah menuruti dan mematuhi terma lesennya, peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta;
- (o) pemegang lesen individu hendaklah menanggung rugi Kerajaan, Menteri dan Suruhanjaya terhadap apa-apa tuntutan dan prosiding yang diberi terhadap Kerajaan, Menteri atau Suruhanjaya yang berbangkit daripada atau disebabkan oleh apa-apa pelanggaran atau kegagalan di pihak pemegang lesen individu; dan
- (p) pemegang lesen individu hendaklah mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Jika terdapat perubahan dalam pegangan syer dalam pemegang lesen atau syarikat induknya yang mengakibatkan perubahan dalam kawalan pemegang lesen atau syarikat induknya, kelulusan secara bertulis daripada Menteri hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

(3) Suatu permohonan untuk kelulusan di bawah subperaturan (2) hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(4) Apa-apa permohonan untuk kelulusan penyusunan semula, penggabungan atau penyatuan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan (k) hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(5) Bagi maksud perenggan (l), suatu pindah milik, pelupusan atau pajakan dianggap sebagai sebahagian besar daripada perniagaan, aset atau perusahaan pemegang lesen individu jika—

- (a) pada masa perkiraan atau transaksi, pindah milik, pelupusan atau pajakan perniagaan, aset atau perusahaan atau sebahagian daripada perniagaan, aset atau perusahaan itu, nilai perniagaan, aset atau perusahaan itu melebihi sepuluh peratus daripada nilai bersih aset pemegang lesen individu yang ditentukan dengan merujuk kepada akaun teraudit pemegang lesen bagi tahun kewangan sebelumnya atau jika akaun teraudit untuk tahun sebelumnya belum lagi disahkan, tahun kewangan sebelum itu; atau
- (b) dalam suatu siri perkiraan atau transaksi yang dibuat oleh pemegang lesen individu untuk memindahmilikan, melupuskan atau memajakkan perniagaan, aset atau perusahaan atau sebahagian daripada perniagaan, aset atau perusahaan itu dalam tempoh lapan belas bulan atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diputuskan oleh Menteri, jika nilai agregat perniagaan, aset atau perusahaan itu melebihi sepuluh peratus daripada nilai bersih aset pemegang lesen yang ditentukan dengan merujuk kepada akaun teraudit pemegang lesen bagi tahun kewangan sebelumnya atau jika akaun yang teraudit bagi tahun sebelumnya belum lagi disahkan, tahun kewangan sebelum itu.

Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen pengagihan air

13. (1) Sebagai tambahan kepada syarat standard yang dinyatakan dalam peraturan 12, pemegang lesen pengagihan air hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat standard yang berikut:

- (a) pemegang lesen pengagihan air hendaklah mematuhi obligasinya di bawah Akta untuk memastikan bahawa pada masa bekalan, kualiti air yang dibekalkan mematuhi standard kualiti minimum yang ditetapkan oleh Menteri;
- (b) pemegang lesen pengagihan air hendaklah menyediakan dan mematuhi kod pengguna yang disediakan oleh pemegang lesen mengikut peraturan 18;
- (c) pemegang lesen pengagihan air hendaklah membuat dan melaksanakan, atas kosnya sendiri, suatu program pemuliharaan air mengenai penyelenggaraan suatu sistem bekalan air yang cekap dan ekonomik sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa; dan
- (d) pemegang lesen pengagihan air hendaklah, sekiranya dikehendaki oleh Menteri, mengebil dan mengutip caj perkhidmatan pemetungan untuk dan bagi pihak pemegang lesen perkhidmatan pemetungan, tertakluk kepada suatu bayaran yang dipersetujui bersama.

Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen rawatan air

14. (1) Sebagai tambahan kepada syarat standard yang dinyatakan dalam peraturan 12, pemegang lesen rawatan air hendaklah tertakluk kepada syarat standard yang berikut:

- (a) pemegang lesen rawatan air hendaklah, tertakluk kepada subperaturan (2), mendapatkan dan hendaklah pada setiap masa mengekalkan kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk mengambil air dari saluran air sepanjang tempoh lesen;
- (b) pemegang lesen rawatan air dilarang menjalankan aktivitinya yang dilesenkan sehingga pemegang lesen mendapat kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk mengambil air dari saluran air;
- (c) satu salinan diperakui sah kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lebih daripada lima hari bekerja dari penerimaan kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri yang berkaitan;
- (d) pemegang lesen rawatan air hendaklah memastikan bahawa air yang dirawat dan dibekalkan oleh pemegang lesen rawatan air mematuhi standard kualiti minimum yang ditetapkan oleh Menteri pada masa bekalan; dan

- (e) pemegang lesen rawatan air hendaklah mengadakan dan melaksanakan, atas kosnya sendiri, suatu program pemuliharaan air mengenai penyelenggaraan suatu sistem bekalan air yang cekap dan ekonomik sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(2) Sekiranya pemegang lesen rawatan air yang telah diberi kelulusan yang diperlukan daripada Kerajaan Negeri untuk mengambil air dari saluran air mensubkontrakkan aktiviti rawatan airnya mengikut peraturan 17 kepada pemegang lesen rawatan air yang lain kemudian daripada ini tersebut “pemegang lesen yang kedua” syarat standard yang dinyatakan dalam subperaturan (1) untuk memohon dan mengekalkan kelulusan yang diperlukan untuk mengambil air dari saluran air tidaklah terpakai kepada pemegang lesen yang kedua itu.

Syarat standard yang terpakai bagi semua pemegang lesen perkhidmatan pembedungan

15. Sebagai tambahan kepada syarat standard yang dinyatakan dalam peraturan 12, pemegang lesen perkhidmatan pembedungan hendaklah tertakluk kepada syarat standard yang berikut:

- (a) pemegang lesen perkhidmatan pembedungan hendaklah menyediakan dan mematuhi kod pengguna yang disediakan oleh pemegang lesen mengikut peraturan 18; dan
- (b) pemegang lesen perkhidmatan pembedungan hendaklah mengadakan dan melaksanakan, atas kosnya sendiri, suatu program pemuliharaan air sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Pemegang lesen individu hendaklah mematuhi langkah-langkah untuk menghadkan aktiviti perniagaan

16. Menurut perenggan 12(1)(e), pemegang lesen individu hendaklah, sebagai sebahagian daripada syarat standard lesen individu, mematuhi sekatan dan larangan yang berikut:

- (a) pemegang lesen individu hendaklah mengadakan aktiviti yang dibenarkan di bawah lesennya sahaja kecuali dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya terlebih dahulu;
- (b) pemegang lesen individu dilarang memegang, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa jenis syer dalam apa-apa syarikat, perniagaan atau perusahaan kecuali—
- (i) jika pemegang lesen individu memegang apa-apa syer, secara langsung atau tidak langsung, dalam apa-apa syarikat, perniagaan atau perusahaan pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, pemegang lesen individu itu hanya dibenarkan untuk memegang syer itu selama tempoh dua tahun dari tarikh lesen individu itu mula-mula diberikan atau apa-apa tempoh yang lain sebagaimana yang diputuskan oleh Suruhanjaya sehingga tempoh maksimum empat tahun; atau

-
- (ii) bahawa Suruhanjaya boleh mengecualikan Pengurusan Aset Air Berhad daripada larangan sedemikian atas dasar satu-satu kes selagi Pengurusan Aset Air Berhad dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan;
 - (c) pemegang lesen individu hanya boleh menanggung keterhutangan yang mempunyai terma-terma komersial yang biasa atau yang lebih baik daripada itu dan bagi maksud aktivitinya yang dilesenkan;
 - (d) pemegang lesen individu tidak boleh mengadakan atau memberikan apa-apa pinjaman kepada mana-mana orang kecuali—
 - (i) bagi pinjaman kakitangan; atau
 - (ii) bahawa Suruhanjaya boleh mengecualikan Pengurusan Aset Air Berhad daripada larangan sedemikian atas dasar satu-satu kes selagi Pengurusan Aset Air Berhad dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan;
 - (e) pemegang lesen individu tidak boleh mewujudkan apa-apa cagaran, gadaian, sandaran, lien atau bentuk lain sekuriti atau sekatan terhadap apa-apa jua aset pemegang lesen individu tanpa kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya terlebih dahulu;
 - (f) pemegang lesen individu hanya boleh membuat apa-apa transaksi, perkiraan atau perjanjian atau menanggung apa-apa obligasi secara telus sahaja dan bagi maksud aktivitinya yang dilesenkan;
 - (g) pemegang lesen individu tidak boleh memindah milikan, membayar, memajukan, melesenkan atau meminjamkan apa-apa jumlah, aset, hak atau manfaat kepada mana-mana syarikat berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 selain daripada—
 - (i) dividen atau pengagihan daripada rizab yang boleh diagihkan atau pembayaran semula modal;
 - (ii) pembayaran untuk apa-apa barang atau perkhidmatan yang disediakan kepada pemegang lesen individu atas dasar secara telus bagi maksud aktivitinya yang dilesenkan;
 - (iii) pembayaran semula atau bayaran bunga atas pinjaman yang tidak dilarang di bawah perenggan (c);
 - (iv) pembayaran relief cukai perbadanan kumpulan yang dikira atas dasar yang tidak melebihi nilai manfaat yang diterima; atau
 - (v) apa-apa hal keadaan yang lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya secara bertulis;
 - (h) pemegang lesen individu tidak boleh—
 - (i) memberikan apa-apa jaminan atau tanggung rugi bagi manfaat mana-mana orang lain; atau
 - (ii) membuat perjanjian atau perkiraan, atau melakukan apa-apa komitmen yang memasukkan suatu terma atau syarat yang di bawahnya obligasi pemegang lesen untuk membayar atau

membayar semula apa-apa hutang atau jumlah yang lain menjadi lebih tinggi atau bertambah atau dipercepat oleh sebab keingkaran oleh mana-mana orang selain daripada pemegang lesen,

tanpa kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya terlebih dahulu; dan

- (i) pemegang lesen individu tidak boleh disenaraikan atau memohon untuk disenaraikan dalam mana-mana bursa saham asing tanpa kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya terlebih dahulu.

Mensubkontrakkan aktiviti di bawah lesen individu

17. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), pemegang lesen individu boleh mensubkontrakkan sebahagian daripada aktiviti yang dilesenkan, dengan syarat bahawa notis bertulis diberikan kepada Suruhanjaya enam puluh hari sebelumnya.

(2) Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat ke atas perkiraan subkontrak itu sebagaimana yang difikirkan patut, termasuk terma subkontrak itu, dan pemegang lesen individu hendaklah memastikan bahawa terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan perkiraan subkontrak itu dipatuhi.

(3) Pemegang lesen individu hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tindakan dan peninggalan subkontraktornya dan ejen, kakitangan dan pekerja subkontraktor itu.

Pemegang lesen individu hendaklah menyediakan kanun pengguna

18. (1) Pemegang lesen individu, selain pemegang lesen rawatan air, hendaklah menyediakan suatu kod pengguna yang hendaklah meliputi yang berikut:

(a) contoh tatacara untuk—

- (i) memenuhi dengan semunasabahnya kehendak pengguna;
 - (ii) menangani aduan dan pertikaian pelanggan, termasuk suatu proses pengantaraan, dan tatacara bagi pampasan kepada pelanggan dalam hal pelanggaran kod pengguna; dan
 - (iii) perlindungan maklumat pengguna;
- (b) pemberian maklumat kepada pengguna berkenaan dasar perkhidmatan, kadar dan prestasi;
- (c) tahap perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan yang akan diberikan kepada pengguna;

- (d) pengadaaan perkhidmatan pembaikan kerosakan; dan
- (e) amalan pengenaaan caj, pengebilan, pengutipan dan kredit.

(2) Kod pengguna hendaklah dikemukakan oleh pemegang lesen individu kepada Suruhanjaya untuk kelulusan Suruhanjaya dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen mula-mula dikeluarkan melainkan jika suatu tempoh yang lebih lama dibenarkan oleh Suruhanjaya atas permintaan bertulis dari pemegang lesen individu.

(3) Suruhanjaya boleh menghendaki kod pengguna itu diubahsuai dari semasa ke semasa dan dikemukakan semula kepada Suruhanjaya untuk kelulusan.

(4) Pemegang lesen individu hendaklah mematuhi kod pengguna yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya.

(5) Jika Suruhanjaya mengeluarkan suatu standard pengguna, pemegang lesen individu hendaklah mematuhi standard pengguna itu tetapi pemegang lesen individu boleh menerima pakai suatu kod pengguna yang mempunyai standard dan kehendak yang lebih tinggi daripada standard pengguna itu.

Penggunaan kelengkapan dan bahan tempatan

19. (1) Pemegang lesen individu hendaklah mematuhi semua undang-undang, kaedah-kaedah atau garis panduan yang berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan atau agensi Kerajaan dan Suruhanjaya mengenai penggunaan kelengkapan dan bahan tempatan.

(2) Pemegang lesen individu hendaklah, atas permintaan bertulis oleh Suruhanjaya, memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya, untuk memuaskan hati Suruhanjaya bahawa pemegang lesen individu itu telah mematuhi obligasinya di bawah subperaturan (1).

Syarat khas lesen

20. Syarat khas yang hendaklah dikenakan oleh Menteri ke atas sesuatu lesen individu adalah berkenaan dengan perkara yang berikut:

- (a) ruang lingkup lesen individu itu;
- (b) kawasan pengagihan bekalan air atau kawasan perkhidmatan pembetulan, jika terpakai;
- (c) petunjuk prestasi utama yang terpakai kepada pemohon; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang disifatkan perlu oleh Menteri.

BAHAGIAN III

LESEN KELAS

Kelayakan

21. Orang atau golongan orang yang berikut adalah layak untuk memohon lesen kelas:

- (a) syarikat yang diperbadankan di Malaysia;
- (b) individu yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap;
- (c) badan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia; dan
